

Semua urusan secara online di KUKTEM

Berita Harian
26/8/03

Oleh **Khairul Anuar Abdul Samad**

KOLEJ Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) menjadi institusi pengajian tinggi pertama di negara dan Asia Tenggara yang menggunakan sistem rangkaian 10 Gigabit Ethernet (GE) dalam operasi hariannya.

Pengarah Negara, Avaya Malaysia (Avaya), Alan Kam berkata, penggunaan sistem lengkap 10GE daripada Avaya itu juga mungkin meletakkan KUKTEM organisasi pertama di Asia Pasifik yang menggunakan sistem rangkaian berprestasi tinggi itu.

Katanya, sistem lengkap Avaya itu yang merangkumi 10GE sistem rangkaian setempat (LAN), WiFi

dan telefoni protokol internet (IP) menjadikan KUKTEM sebagai platform ke arah menjadikan Malaysia negara utama dalam komunikasi termaju untuk sektor pendidikan.

Pelaksanaan sistem ini juga katanya, meletakkan KUKTEM sama taraf atau lebih tinggi dengan institusi teknikal antarabangsa lain di dunia selain menjadikannya sebagai kampus yang menggunakan rumusan paling komprehensif dalam satu projek.

"Sistem yang beroperasi sejak Mei lalu dengan keupayaan jalur lebar tinggi mampu merealisasikan usaha KUKTEM ke arah menjadi universiti tersedua dengan persekitaran pengajian tanpa kertas yang mana

buku, nota pensyarah dan peperiksaan dilakukan secara online.

"Keupayaan jalur lebar itu juga membolehkan KUKTEM menikmati pulangan pelaburan tinggi (ROI) khususnya terhadap aplikasi untuk perpustakaan dengan buku rujukan disimpan pada sistem pelajar untuk membolehkan pelajar membuat rujukan dan pindah turunkan ke dalam notebook mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena pengenalan sistem itu di kampus utama KUKTEM, Kuantan, Khamis lalu. Hadir sama Rektor KUKTEM, Profesor Datuk Dr Abu Azam Md Yassin; Timbalan Rektor, Profesor Dr Mortaza Mohamed dan Ketua Pusat Teknologi

Komunikasi dan Maklumat (ICT) KUKTEM, Wan Maseri Wan Mohamad.

KUKTEM kini mempunyai lebih 3,604 nod sistem rangkaian atau suara selain kira-kira 168 akses tanpa wayar menggunakan teknologi titik akses wayarles Avaya yang disambungkan ke seluruh kampus itu membabitkan lebih 29 bangunan utama. Semua sistem masuk memanfaatkan 10GE yang membawa suara dan data pada satu tulang belakang.

Wan Maseri berkata, pelaksanaan sistem ini yang menyaksikan semua operasi dapat dilaksanakan secara online turut membolehkan KUKTEM memenuhi wawasannya untuk muncul sebagai universiti teknikal

cemerlang bertaraf dunia.

Katanya, sistem itu mampu meningkatkan perkhidmatan KUKTEM khususnya pada waktu puncak seperti pendaftaran pelajar dengan sistem itu membolehkan pusat pentadbiran, kolej kediaman, pejabat keselamatan dan fakulti menampung panggilan dan memproses data menggunakan kapasiti jalur lebar 10GE Avaya itu.

"Sistem rangkaian 10GE Avaya adalah teknologi sistem rangkaian pertama dengan kapasiti mengendalikan trafik data sehingga

10,000Mbps dan yang membolehkan KUKTEM mampu mengendalikan pelbagai urusan secara online, berkesan serta menjimatkan kos," katanya.